

02/01/2003

Ada usaha luar jadikan kita medan perang: PM (HL)

Kadir Dikoh; Jami'ah Shukri; Magendran Rajagopal
KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mendedahkan ada negara tertentu yang disyaki merancang mahu menjadikan Malaysia sebagai lokasi pertahanan hadapan sebagai strategi mengelak peperangan berlaku di negaranya.

Tanpa menamakan negara terbabit, Perdana Menteri memberi amaran bahawa Malaysia tidak akan berdiam diri dan akan mempertahankan kedaulatannya jika negara itu melancarkan strategi berkenaan.

Katanya, Malaysia akan menentang mana-mana negara sekalipun yang bertindak melakukan pertahanan hadapan atau melancarkan serangan awalan seperti yang pernah dikhabarkan.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas lanjut perutusannya sempena Tahun Baru 2003 semalam, selepas menghadiri majlis rumah terbuka tahun baru 2003 anjuran Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) di sini hari ini.

Dalam perutusan itu, Dr Mahathir antara lain memberi amaran keras negara akan bertindak balas dan menegaskan: "Kita berjanji jika ada sesiapa mencabul kebebasan negara kita dengan tindakan pre-emptive (awalan) atau forward defence (pertahanan hadapan), mereka akan dapat apa yang disebut oleh mat saleh sebagai a bloody nose (padah).

Ditanya bagaimana Malaysia berhadapan dengan situasi itu, beliau berkata Kuala Lumpur akan mempertahankan kedaulatan negara tetapi secara bijak.

"Yalah...ada orang (negara) yang rancang untuk mempertahankan negara mereka dengan menjadikan Malaysia sebagai medan perang mereka, sekali gus mengelakkan peperangan sampai ke negara mereka.

"Maksudnya, jika berlaku perang, negara berkenaan akan bertahan sebelum sampai ke sempadan mereka dan semua peperangan akan berlaku di Malaysia," katanya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri enggan mengulas lanjut mengenai negara yang dimaksudkan mahu melakukan pertahanan hadapan, khususnya mengenai sama ada ia sudah dikenal pasti ataupun jika pemimpin negara berkenaan ada menyampaikan hasrat seumpama itu kepada kerajaan.

Ditanya pemberita sama ada negara yang dimaksudkan merancang serangan hadapan itu ialah Singapura, Dr Mahathir berkata: "Itu ramalan awak, bukan saya. Malaysia pun banyak negara jiran yang hampir seperti Thailand dan Indonesia.

"Kita duduk di tengah Asean dan mempunyai sempadan secara langsung dengan lima daripada 10 anggota Asean. Saya ingat tak payahlah saya bagi tahu negara mana," katanya.

Sementara itu, pakar strategi pertahanan, Abdul Razak Baginda, berkata beliau yakin negara yang dimaksudkan Perdana Menteri ialah Singapura.

Beliau yang juga Pengarah Eksekutif Pusat Penyelidikan Strategi Malaysia (MSRC), berkata memang nyata republik itu mempunyai strategi pertahanan hadapan.

"Malah, republik itu menganggap Johor sebagai garisan pertahanan hadapan mereka.

"Ini bermakna jika peperangan berlaku antara Malaysia dan Singapura, mereka akan menghantar tentera mereka ke Johor dan menjadikannya kubu untuk menentang negara ini," katanya sambil menambah strategi itu juga digunakan banyak negara lain.